# Bantu keluarga penagih

## Unisza anjur program Inspirasi Kasih, tangani masalah sosial

SINAR HARIAN 27/06/2015

**TANJUNG DEMONG** - Kepakaran dimiliki Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) kini bukan terhad di ruang kampus sahaja tetapi dikongsi bersama masyarakat dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan.

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam universiti berkenaan menganjurkan program Inspirasi Kasih iaitu salah satu program khidmat masyarakat yang dikenali 'i-care' untuk keluarga penagih dadah yang menerima rawatan methadone.

Ketua Urusetia Inspirasi Kasih Bersama Komuniti Daerah Besut, Profesor Madya Dr Wan Mohd Yusof Wan Chik berkata, pihaknya dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Besut telah melakukan dua program khusus kepada keluarga terbabit.

"Sebanyak dua program dianjurkan iaitu Program Silaturahim pertama dan kedua di mana setiap program berlangsung selama dua hari di sebuah resort di sini.

"Bagi Program Silaturahim kedua Inspirasi Kasih melibatkan isteri, ibu atau bapa penagih yang diadakan dalam bentuk kumpulan dan perbincangan serta kaunseling," katanya ketika ditemui dalam program tersebut yang berlangsung di Demong Beach Resort.

Menurutnya, program tersebut dijalankan oleh kumpulan NRGS i- KASIH iaitu kumpulan penyelidik Unisza yang diketua oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti, Profesor Mohd Ekhwan Toriman.

Wan Mohd Yusof berkata, kumpulan itu pula dipecahkan kepada tiga kumpulan kecil.

"Kumpulan kecil pertama ialah i-TGM yang fokus kepada penagih dadah jenis opiat yang mengambil methadone.. kumpulan kecil kedua dikenali i-Kasih berperanan memberi kesedaran dan menjelaskan bagaimana keluarga perlu memberi sokongan kepada penagih dadah yang mengambil methadone.

"Kumpulan kecil ketiga pula ialah i-QOL yang fokus kepada kualiti hidup penagih opiat dan keluarga dari sudut kerohanian atau keagamaan," katanya.

Beliau berkata lagi, seramai 30 keluarga penagih daerah ini telah mendapat kepakaran yang disediakan oleh pihak Unisza.

Katanya, pihaknya telah menyumbangkan bantuan fikiran, usaha dan kefahaman kepada ibu bapa, penjaga, isteri atau adik beradik ketika menangani orang terdekat mereka yang terlibat dalam pemulihan.

"Ini adalah usaha bersama selaras dengan matlamat Menteri Pendidikan yang ingin melihat universiti mengambil perjalanan bersama masyarakat dalam menangani masalah sosial khususnya memulihkan mereka yang terlibat dengan dadah," katanya.



**Wan Mohd Yusof (berdiri, kanan) bersama seorang pensyarah sedang mengendalikan sebuah kumpulan terdiri daripada keluarga penagih di Tanjung Demong.**


JOM SOLAT

BESUT / SETIU

| | |
|---|---|
| SUBUH | 5:35 |
| SYURUK | 7:00 |
| ZOHOR | 1:15 |
| ASAR | 4:41 |
| MAGHRIB | 7:27 |
| ISYAK | 8:43 |